



## SIARAN AKHBAR

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### PENYERTAAN MALAYSIA DALAM TRITI ANGKASA DI BAWAH UNCOPUOS MANIFESTISASI KOMITMEN NEGARA DALAM KERJASAMA ANGKASA ANTARABANGSA

---

**PUTRAJAYA, 26 JUN 2025** – Malaysia melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), mengumumkan bahawa Mesyuarat Kabinet pada 25 Jun 2025 telah bersetuju bagi Negara menyertai Triti Angkasa di bawah *United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer Space* (UNCOPUOS) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dua (2) daripada lima (5) Triti Angkasa yang akan diratifikasi dan disertai adalah *Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies* (OST 1967) dan *Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space* (REG 1975). Ia adalah lanjutan daripada penguatkuasaan penuh Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] pada 1 Januari 2025 di mana negara telah mempunyai struktur perundangan angkasa domestik yang holistik dan meyakinkan untuk Kerajaan (melalui MOSTI) menyertai Triti Angkasa tersebut selaras kepentingan pembangunan industri angkasa negara.

Triti Angkasa adalah asas kepada undang-undang angkasa antarabangsa yang menggariskan prinsip-prinsip utama seperti penerokaan dan penggunaan ruang angkasa demi kepentingan semua negara yang hanya untuk tujuan keamanan sahaja serta larangan menggunakan platform angkasa untuk tujuan ketenteraan.

Persetujuan daripada Jemaah Menteri ini akan membolehkan MOSTI melalui Bahagian Penguasa Angkasa (BPAngkasa) memulakan prosedur tempatan dan antarabangsa dengan kerjasama Kementerian Luar Negara (KLN) untuk memuktamadkan proses ratifikasi dan penyertaan Malaysia yang memerlukan Negara melalui KLN menyerahkan instrumen penyertaan kepada depositori triti ini sama ada di London, Moscow atau Washington.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang menyatakan bahawa penyertaan ini merupakan satu langkah bersejarah yang mampu memartabatkan kedudukan negara sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dalam arena angkasa antarabangsa sejajar dengan prinsip Akta 834.

Inisiatif penyertaan Malaysia dalam Triti Angkasa ini adalah bertepatan dengan aspirasi negara untuk menjadi pemain aktif yang bertanggungjawab dalam sektor angkasa lepas global selaras dengan Teras 5: Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) iaitu meningkatkan dan mengukuhkan kerjasama serta jaringan antarabangsa. Melalui ratifikasi Triti Angkasa ini, ia akan membolehkan negara menyuarakan pandangan mengenai kepentingan sektor angkasa secara lebih efektif.

Ini turut mencerminkan komitmen Malaysia untuk menyokong penggunaan ruang angkasa secara aman dan bertanggungjawab, serta memastikan kelestarian angkasa lepas. Malaysia bertekad untuk memainkan peranan yang membina dalam memastikan ruang angkasa kekal sebagai domain kerjasama serta keamanan bertepatan prinsip dan semangat triti.

Langkah strategik ini bertujuan untuk melindungi kepentingan negara serta memastikan Malaysia bersedia menghadapi cabaran dan merebut peluang dalam sektor angkasa global yang berkembang pesat seterusnya memberi isyarat diplomatik bahawa Malaysia komited untuk menjadi sebuah negara yang bertanggungjawab dalam aktiviti angkasanya. Secara tidak langsung akan meningkatkan reputasi negara sebagai sebuah negara angkasa baru (*space emerging countries*) dan membuka lebih banyak potensi untuk menyertai pelbagai program angkasa di peringkat antarabangsa.

MOSTI juga berharap ia mampu memajukan serta melonjakkan sektor angkasa negara melalui kolaborasi dan kerjasama antarabangsa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 dan merealisasikan visi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030.



Selaras nilai kemampunan yang dianjurkan Malaysia MADANI dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), MOSTI berharap penyertaan Malaysia dalam Triti Angkasa ini akan menggambarkan komitmen berterusan Malaysia dalam menggalakkan kerjasama antarabangsa, memastikan penggunaan ruang angkasa yang mampan, dan mematuhi prinsip-prinsip yang termaktub dalam triti tersebut, seterusnya menjadikan Malaysia negara angkasa yang bertanggungjawab.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila layari laman sesawang di <https://www.mosti.gov.my/bahagian-penguasa-angkasa/>.

**– TAMAT –**

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**26 Jun 2025**



## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

UNCOPUOS ditubuhkan pada tahun 1959 sebagai salah satu jawatankuasa tetap di bawah Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membentuk tadbir urus penggunaan angkasa lepas untuk tujuan keamanan di peringkat global dan dalam masa yang sama menjadi platform pengukuhan kerjasama antarabangsa yang memberi manfaat kepada seluruh umat manusia.

Jawatankuasa ini melaksanakan peranan utamanya dalam pembangunan lima perjanjian atau prinsip utama angkasa lepas yang dikenali sebagai "*Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, including the Moon and Other Celestial Bodies*". Ia dilaksanakan dengan objektif untuk mengawal selia aktiviti angkasa global dan memastikan aktiviti angkasa dilaksanakan bagi tujuan keamanan sahaja dengan selamat dan mampu memberi manfaat kepada semua.

Pengurusan dan pelaksanaan mandat UNCOPUOS dipertanggungjawabkan kepada *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA) melalui resolusi 1348 (XIII), Perhimpunan Agung PBB pada 13 Disember 1958, selaku sekretariat rasmi. Malaysia ketika ini merupakan ahli tetap UNCOPUOS sejak 2001.

Senarai Triti Angkasa di bawah UNCOPUOS:

- a. *Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies* (OST 1967) (116P, 21S)
- b. *Agreement on the Rescue of Astronauts, the Return of Astronauts and the Return of Objects Launched into Outer Space* (ARRA 1968) (100P, 23S)
- c. *Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects* (LIAB 1972) (100P, 23S)
- d. *Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space* (REG 1975) (76P, 4S)
- e. *Agreement Governing the Activities of States on the Moon and Other Celestial Bodies* (MOON 1979) (17P, 4S)

\*P:Parties, S:Signatories

\*Ahli UN: 193 Negara

\*Ahli UNCOPUOS: 104 Negara



Malaysia telah menandatangani (*sign*) dua (2) daripada lima (5) Triti Angkasa iaitu OST 1967 dan ARRA 1968, namun belum meratifikasi (*ratify*) atau menyertai (*accede*) mana-mana di antaranya. Menandatangani bermaksud Malaysia secara dasarnya bersetuju dengan klausa yang dinyatakan, tiada bantahan dan menyatakan sokongan terhadap Triti Angkasa tersebut semasa dibentangkan di PBB serta mempunyai hasrat untuk menyertainya. Biarpun masih belum menganggotai mana-mana Triti Angkasa secara rasmi, Malaysia telah menunjukkan komitmen dengan mematuhi ketetapan yang digariskan di bawah Triti Angkasa secara sukarela, terutamanya berkaitan REG 1975, sejak pelancaran satelit milik syarikat Malaysia yang pertama iaitu MEASAT-1 pada Januari 1996.

Jawatankuasa (JK) Kerja Triti Angkasa telah ditubuhkan di bawah Lembaga Angkasa Malaysia bagi meneliti ketersediaan dan keupayaan serta implikasi penyertaan sebelum syor penyertaan dibuat.

JK Kerja ini dianggotai 19 buah Kementerian/Jabatan/Agenzi serta akademia yang berkaitan. Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi mengumpulkan input dan pandangan melalui bengkel, sesi libat urus dan mesyuarat bersama pemegang taruh sektor angkasa negara seperti pemain industri, penyelidik, agensi kerajaan, akademia dan lain-lain.

